



Sejak penubuhan U3A lebih 300 ahlinya menerima baik program terbabit dan gaya hidup mereka juga berubah. Ini membuktikan rakyat berminat dalam aktiviti pembelajaran"

Chew Mei Fun,
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



Citi-UPM dan U3A adalah antara program yang diilhamkan bagi tujuan memberikan ilmu pendidikan baharu serta mengisi masa lapang mereka"

Tengku Aizan Hamid,
Pengarah Institut Penyelidikan
Penuaan Malaysia UPM



Apa yang saya peroleh menerusi kelas itu; adalah disiplin diri untuk menyimpan dan menggunakan wang bila ada keperluan sahaja"

Norisa Nasir,
Peserta program
Citi-UPM



[FOTO ADI SAFRI/BH]

Mei Fun (tujuh dari kanan) dan Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (enam dari kanan) selepas Majlis Apresiasi dan Penyampaian Sijil bagi Program Citi-UPM dan U3A, di Serdang, baru-baru ini.

Info

Citi-UPM

- Diadaptasi daripada program Citi-Tsao Foundation Financial Education Programme for Mature Women yang dilaksanakan di Singapura sejak 2008.
- Kumpulan sasar bagi projek ini wanita berumur 40 hingga 60 tahun yang berpendapatan kurang RM3,000 sebulan.
- Sasaran peserta adalah 400 orang.

Warga emas manfaat ilmu baharu

➔ Program pendidikan sepanjang hayat tingkatkan keupayaan, penuaan aktif, produktif

Oleh Syalikhah Sazili
syalikhah@bh.com.my

► Serdang

Program pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat dilihat mampu dimanfaatkan oleh warga emas wanita, khususnya dalam menyemarakkan semangat ke arah mempromosi penuaan aktif serta produktif.

Justeru, bagi golongan berkenaan yang ada kecenderungan dan

kesungguhan untuk menimba ilmu, perlu tingkatkan keazaman serta mengambil peluang menyertai program seumpama itu.

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Tengku Aizan Hamid, berkata Citi-UPM, iaitu Program Pendayaupayaan Kewangan untuk Wanita Matang dan Program Universiti Era Ketiga (U3A) adalah antara program yang diilhamkan bagi tujuan memberikan ilmu pendidikan baharu serta mengisi masa lapang mereka.

Bimbingan sukarelawan terlatih

Beliau berkata, Citi-UPM diadakan selama lima bulan, bermula April lalu dan disertai oleh sukarelawan U3A.

"Peserta mengikuti lima modul berkaitan penuaan dan pengurusan kewangan di bawah bimbingan sukarelawan terlatih dan berpengalaman.

"Tujuan utama adalah untuk menggalakkan pembelajaran masa lapang dalam kalangan warga tua.

"Program ini dijalankan melalui kerjasama strategik dengan Citi Foundation (Yayasan Citi) dan United Nations Population Fund (Tabung Populasi Pertubuhan Bersatu).

"Usaha ini juga mendapat komitmen daripada rakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Wanita UPM (Permata), UPM dan Persatuan Pembelajaran Sepanjang Hayat Warga Emas U3A Kuala Lumpur dan Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan Majlis Apresiasi dan Penyampaian Sijil bagi Program Citi-UPM dan Program Universiti Era Ketiga (U3A), di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, seramai 263 warga emas menerima sijil Citi-UPM dan U3A bagi sesi 2016.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun.

Mei Fun berkata, sejak penubuhan U3A lebih daripada 300 ahlinya menerima baik program terbabit dan gaya hidup mereka juga berubah.

Katanya, ini jelas membuktikan rakyat berminat dalam aktiviti pembelajaran yang berpatutan pada usia emas.

Perancangan hari tua

"Bagi memasyarakatkan golongan wanita, penganjur Citi-UPM benar-benar memahami keperluan bagi meningkatkan kesedaran golongan ini sebagai perancangan pada hari tua.

"Hasil kajian Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tahun ini menunjukkan purata simpanan pencarumnya berumur 54 tahun adalah sebanyak RM214,923 bagi lelaki, manakala wanita jumlahnya lebih rendah iaitu RM162,296 berbanding keperluan sebenar persaraan masing-masing.

"Hasrat kita adalah mewujudkan warga emas berdikari dan bermartabat diri pada umur persaraan mereka," katanya.

Sementara itu, peserta Citi-UPM, Norisa Nasir, 54, berkata beliau mendapat manfaat dengan mengikuti program terbabit.

Katanya, yang masih bekerja

sebagai pengasuh Taska di UPM, kelas diadakan antara dua hingga tiga jam seminggu selama lima bulan itu banyak mengajar mengenai pengurusan wang.

"Apa yang saya peroleh menerusi kelas itu, adalah disiplin diri untuk menyimpan dan menggunakan wang bila ada keperluan saja.

"Selebihnya, lebih baik wang itu disimpan di dalam tabung mahu pun akaun simpanan.

"Peserta juga diminta untuk memasukkan wang sebanyak RM1 ke dalam tabung setiap hari dan saya antara pengumpul paling banyak iaitu lebih RM300 dalam tempoh pembelajaran itu.

"Ini juga sebagai peringatan kepada kita, lebih baik menyimpan untuk hari tua dan keperluan ketika dalam keadaan sesak," katanya.

Norisa yang mempunyai dua cucu juga gemar melancong dan menerusi simpanannya itu beliau berhasrat untuk menikmati hari persaraan kelak dengan melancong ke negara luar.